

06/IBUPEJABAT/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

AKPS SEMARAKKAN SEMANGAT PATRIOTIK, LANCAR 'BENTENG PERSADA' DI KLIA SEMPENA BULAN KEBANGSAAN

SEPANG, 26 OGOS 2025 – Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Saiifuddin Nasution Ismail telah melancarkan 'Benteng Persada' di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 bersempena sambutan bulan kebangsaan, di sini, hari ini.

Inisiatif oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) ini bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia dan pelancong antarabangsa. Pelancaran ini menterjemahkan komitmen kerajaan untuk terus menjamin keselamatan di setiap pintu masuk negara, di samping menjadi simbol keharmonian dan semangat perpaduan Malaysia MADANI dalam mengalu-alukan kedatangan pelawat.

Majlis turut diserikan dengan pra-pelancaran (*soft-launch*) pakaian interim taktikal AKPS, persembahan deklamasi puisi patriotik oleh pelajar Sekolah Kebangsaan Cyberjaya, serta penyampaian Penghargaan Prestasi Cemerlang Pintu Masuk Negara kepada petugas barisan hadapan sebagai tanda penghargaan atas dedikasi melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Antara yang hadir di majlis ini ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, dan Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), YDH. CP Dato' Sri Mohd Shuhaily bin Mohd Zain.

"Benteng Persada: Di Sempadan Kita Bersatu, Di Persada Kita Bermaruah" ini adalah merupakan lambang kebersamaan rakyat Malaysia. Ia merupakan satu manifestasi tekad seluruh warga Malaysia bahawa kita perlu bersama-sama berganding bahu dalam memastikan keselamatan sempadan negara ini dan persada kita terus kekal bermaruah dan dihormati. Benteng Persada ini menyerlahkan mesej jelas – bahawa keselamatan sempadan bukan hanya tugas penguat kuasa, tetapi tanggungjawab bersama seluruh rakyat.

AKPS ditubuhkan sebagai salah satu inisiatif reformasi utama Kerajaan MADANI di bawah KDN. Agensi sempadan tunggal ini ditubuhkan untuk memperkemas dan menyatukan fungsi kawalan di semua pintu masuk negara, meningkatkan kecekapan, serta memperkukuh integriti dalam menjaga sempadan darat dan perairan negara.

SIARAN MEDIA

Setiap penambahbaikan sistem penyampaian di pintu masuk negara menuntut usaha kolektif semua pihak. Justeru, orang ramai dan pihak berkepentingan diseru untuk terus memberikan kerjasama padu kepada AKPS, kerana kejayaan menjaga kedaulatan sempadan adalah komitmen bersama demi masa depan Malaysia yang lebih baik.

TAMAT

26 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI